



Polis perlu siasat semula secara terperinci

KUALA LUMPUR - Polis perlu menjalankan siasatan secara terperinci keputusan inkues yang mendapati anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, 24, meninggal dunia akibat perbuatan jenayah.

Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, siasatan semula perlu dijalankan selepas Mahkamah Koroner di Shah Alam membuat keputusan inkues semalam.

"Jika suspek berada di luar negara, polis boleh mengeluarkan waran dan meminta bantuan daripada Polis Antarabangsa (INTERPOL) bagi mengesan suspek," katanya kepada *Sinar Harian* semalam. Mengulas rumusan Mahkamah Koroner mengenai kegagalan polis dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dalam mengawal rusuhan turut menyumbang kepada kematian Muhammad Adib, Musa ber-



MUSA

kata, pegawai polis yang terbabit perlu bertanggungjawab.

"Siapa pegawai yang dipertanggungjawab perlu bertanggungjawab. Tindakan tatatertib boleh dikenakan. Prosedur operasi standard (SOP) ketika kejadian rusuhan ialah yang pertama perlu menyuraikan perusuh dan mereka yang melakukan keganasan, tangkapan perlu dibuat," katanya.

Bukti mahkamah bebas buat keputusan

SHAH ALAM - Keputusan prosiding inkues semalam berhubung punca kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim menunjukkan mahkamah bebas dalam membuat keputusan.

Profesor Dr Khairil Azmin Mokhtar dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkata, mahkamah telah membuat keputusan berdasarkan kepada fakta bahawa memang wujud elemen jenayah dalam kematian Muhammad Adib.

Bagaimanapun menurutnya, keputusan inkues itu hanyalah bagi mengetahui sebab-sebab kematian dan masih belum boleh sabitkan kesalahan kepada mana-mana pihak.

"Keputusan itu menunjukkan mahkamah bebas membuat keputusan namun siapakah penjenayah terbabit masih belum diputuskan. Dalam undang-undang ia masih *open verdict* (terbuka) dan selepas ini akan ada lagi perbicaraan dan pihak pendakwaan akan mengambil tindakan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.



Mahkamah Koroner turut dibawa melihat jentera bomba yang terlibat dalam rusuhan itu.

Sementara itu, Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam Majlis Profesor Negara, Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkata, keputusan inkues itu akan disusuli dengan tindakan untuk mencari siapa yang boleh dibawa ke mahkamah untuk tuduhan menyebabkan kematian Muhammad Adib.

Malah katanya, jika polis memiliki bukti, ia perlu diserahkan kepada pejabat peguam negara. "Polis akan meniasat dan akan kumpul maklumat serta keterangan. Kalau keterangan itu cukup untuk bawa seseorang ke mahkamah maka pihak pendakwaan akan berbuat demikian," katanya.

'Terbukti saya tidak reka cerita'

Saksi utama Narresh mengaku terima cacian kerana keterangannya

KUALA LUMPUR

Saksi utama prosiding inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, R Narresh gembira dengan keputusan Mahkamah Koroner semalam yang membuktikan beliau tidak merka-reka cerita berhubung insiden itu.

Narresh berkata, keputusan itu dibuat tanpa bias kepada mana-mana pihak.

"Selama ini saya menerima cacian dan hinaan kerana kononnya bias ketika memberi keterangan berhubung apa yang menimpa Adib.

"Hari ini (semalam) akhirnya terbukti yang saya tidak merka-reka cerita atau menokok tambah mengenai kejadian tersebut," katanya kepada sebuah portal berita semalam.

Katanya, dia bersyukur sekurangnya keadilan telah memihak kepada Allahyarham walaupun mereka yang bertanggungjawab melakukan perbuatan berkenaan belum dapat dikenal pasti dan dibawa ke muka pengadilan.

"Sesungguhnya Mahkamah Koroner telah membuat keputusan yang adil. Ternyata keterangan kami yang benar-benar berada di tempat kejadian telah diambil kira.

"Saya menyambut baik keputusan yang dibuat Mahkamah Koroner dan menyifatkan hakim telah mempertimbangkan semua keterangan tanpa bias kepada mana-mana pihak.

"Saya percaya hakim tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan

INKUES MUHAMMAD ADIB

an bukan saya seorang sahaja yang dipanggil dalam inkues itu.

"Dalam erti kata lain hakim bukan mendengar cerita sebelah pihak semata-mata," katanya.

Narresh turut berharap masyarakat menerima keputusan berkenaan dengan hati terbuka.

Pada hari kejadian, Narresh adalah orang yang bertanggungjawab mengangkat serta mengusung Muhammad Adib yang ketika itu sedang dalam kesakitan ke dalam sebuah kereta pacuan empat roda dan memangkunya hingga sampai ke Pusat Perubatan Subang Jaya.

Ketika prosiding inkues pada Februari lalu, Narresh mengejutkan ramai pihak apabila mendedahkan beliau terlihat kesan tapak kasut pada bahagian rusuk kanan Allahyarham pada malam rusuhan berkenaan.



Cari pelaku sebenar

SHAH ALAM - Polis Diraja Malaysia (PDRM) digesa mencari pihak yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim.

Penganalisis jenayah, Kamal Affendi Hashim berkata, pihak berkuasa perlu memastikan Muhammad Adib tidak terkorban dengan sia-sia dan pembunuhnya perlu dikenal pasti serta diheret ke muka pengadilan.

"Bukti sudah jelas apabila inkues hari ini (semalam) memutuskan kematian arwah Muhammad Adib menjurus kepada perbuatan jenayah.

"Jadi PDRM mempunyai tugas dan tanggungjawab yang lebih berat untuk mencari pelaku sebenar berdasarkan bukti, saksi serta dapatan inkues," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Kamal Affendi berkata, masyarakat menuntut keadilan buat anggota bomba terbabit.

"Jangan biarkan kes Muhammad Adib ini lenyap tanpa ada pihak yang menerima hukuman atau pembalasan.

"Walaupun hukuman itu tidak akan mampu mengembalikan arwah tetapi sekurang-kurangnya ia dapat



Masyarakat menuntut keadilan buat anggota bomba terbabit. - Kamal Affendi

memberi pengajaran kepada setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum bahawa negara ini mempunyai undang-undang," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa kerajaan untuk menetapkan garis panduan semua rumah ibadat di negara ini perlu dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV).

"CCTV ini perlu dipasang kira-kira 50 meter di kawasan rumah ibadat bagi membuat pemantauan sekali gus mengelakkan kejadian sama berulang," katanya.